

AKEPT



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI (AKEPT)

2024-2028

2024-2028

PERUTUSAN PENGARAH

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera.

Saya memanjatkan kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnianya Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) telah berjaya membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) AKEPT 2024-2028. Sebagai wadah yang melahirkan pemimpin unggul di institut pendidikan tinggi negara, AKEPT seharusnya menerapkan tadbir urus terbaik yang boleh diteladani oleh semua. OACP AKEPT dibangunkan dengan hasrat untuk membantu dalam usaha pencegahan rasuah, salah guna kuasa dan memantapkan tadbir urus dalam menjunjung visi untuk menjadikan Malaysia sebuah negara bebas rasuah.



AKEPT telah dikategorikan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai agensi berisiko rendah ekoran AKEPT tiada laporan insiden rasuah dan salah guna kuasa semenjak ditubuhkan pada tahun 2008. Justeru, untuk memastikan bahawa AKEPT akan terus bebas daripada unsur-unsur tersebut, tindakan pencegahan dan tadbir urus yang baik adalah amat penting. Dalam hal ini, OACP AKEPT akan menjadi panduan untuk pemantauan secara berterusan melalui strategi dan pelan tindakan yang telah digariskan.

Saya dan warga AKEPT beriltizam untuk memastikan bahawa AKEPT akan kekal sebagai sebuah organisasi yang berintegriti dan bebas daripada sebarang gejala rasuah dan salah guna kuasa. InsyaAllah.

PROF. DR. HARSHITA AINI BINTI HAROON

PENGARAH

AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

ISI KANDUNGAN

BAB 1

MEKANSIME PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Latar Belakang

6

BAB 2

MELESTARIKAN PENCEGAHAN RASUAH

Definisi Rasuah

9

Dasar Kerajaan Dalam Menangani Rasuah

10

Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi AKEPT

14

Pengurusan Risiko Rasuah dan Daftar Risiko AKEPT

15

BAB 3

PELAN TINDAKAN ANTIRASUAH

Kerangka Pelan Antirasuah Organisasi AKEPT

19

BAB 4

MEKANSIME PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Pemantuan dan Semakan Semula

26

Penetapan Indikator

27

Pelaporan

28

Penilaian

29

BAB 5

KESIMPULAN

31

BAB 6

PENGHARGAAN

33-35



2024-2028

PERNYATAAN KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera.

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) AKEPT 2024-2028 merupakan dasar antirasuah yang mencerminkan komitmen Pengurusan AKEPT untuk mengamalkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti. Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan OACP AKEPT, semua inisiatif yang telah dikenal pasti akan dilaksanakan dengan penuh komitmen. OACP AKEPT akan dijadikan sebagai panduan bagi semua warga khususnya, ke arah visi untuk mewujudkan “AKEPT Sejahtera Tanpa Rasuah” sekaligus membantu negara mencapai visi “NEGARA BEBAS RASUAH”.



Prof. Dr. Azila Ahmad Sarkawi
Timbalan Pengarah
 Pusat Pembangunan
 Kepimpinan

Prof. Madya Dr. Norazharuddin Shah Abdullah
Timbalan Pengarah
 Pusat Pengurusan Bakat

Prof. Dr. Harshita Aini Haroon
Pengarah

Azrul Izham Hamzah
Timbalan Pengarah
 Pusat Penyelidikan
 Kepimpinan &
 Jangkauan Global

Hanis Huzaira Abd Hanan
Pendaftar
 Pejabat Pendaftar

BAB 1

Pengenalan



LATAR BELAKANG

Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) telah ditubuhkan pada tahun 2008 sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi. Tujuan penubuhannya adalah untuk membolehkan pengurusan tertinggi dan pertengahan di institusi pengajian tinggi didedahkan dengan program pembangunan kepimpinan berstruktur. Selaras dengan slogan *Shaping Minds, Building Leaders*, AKEPT berusaha untuk mereka bentuk dan menyediakan inisiatif pembangunan kepimpinan untuk pemimpin institusi pengajian tinggi.

Sehingga kini, AKEPT terus berusaha dalam peranan aktifnya membentuk landskap pendidikan tinggi di Malaysia terutamanya dalam dua bidang utama iaitu kepimpinan akademik dan kepimpinan institusi. Kemuncaknya adalah untuk memperkukuhkan dan menyokong strategi holistik untuk transformasi pendidikan tinggi di Malaysia bagi merealisasikan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), yang jelas menyatakan keperluan untuk membangunkan bakat kepimpinan pendidikan tinggi semasa dan masa depan. Untuk tujuan tersebut, AKEPT mempunyai tiga pusat kepimpinan iaitu Pusat Pembangunan Kepimpinan, Pusat Pengurusan Bakat, Pusat Penyelidikan Kepimpinan dan Jangkauan Global, dan Pejabat Pendaftar, yang berpandukan visi dan misi seperti berikut:


VISI

Menjadi akademi rujukan utama dalam kepimpinan pendidikan tinggi

MISI


Membangunkan pemimpin melalui inisiatif kepimpinan yang holistik ke arah kecemerlangan pendidikan tinggi

Struktur organisasi AKEPT adalah seperti berikut:



Rajah 1: Struktur organisasi AKEPT

Ketiga-tiga Pusat di AKEPT saling melengkapi antara satu dengan yang lain dalam memenuhi misi dan visi yang ditetapkan. AKEPT bekerjasama rapat dengan semua institusi pendidikan tinggi negara dan agensi-agensi lain termasuk industri dalam memastikan keperluan kepimpinan di institusi masing-masing dapat dipenuhi. Dalam hal ini, skop keperluan merangkumi tahap kompetensi, pendedahan kepada isu-isu pendidikan tinggi dan kemahiran-kemahiran tertentu yang berkaitan dengan kepemimpinan akademik dan institusi. Kolaborasi dengan pihak luar direalisasikan melalui pelbagai bentuk, seperti rakan strategik pembekal latihan, ahli akademik/ industri sebagai pembina modul dan fasilitator, penawaran program bersama-sama dengan AKEPT, dan sebagainya. Sehubungan itu, adalah penting bagi AKEPT mengenal pasti, mengakui, dan menangani risiko-risiko berlakunya rasuah dan salah laku dalam operasi organisasi, seperti yang disebutkan di atas.





BAB 2

**MELESTARIKAN PENCEGAHAN
RASUAH**

DEFINISI RASUAH

Rasuah


Penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.

Suapan

- wang
- hadiah
- bonus
- undi
- perkhidmatan
- jawatan
- upah
- diskaun

Sumber: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Berdasarkan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] terdapat **4 kategori** kesalahan utama berhubung rasuah seperti berikut:




DASAR KERAJAAN DALAM MENANGANI RASUAH

Dasar Kerajaan mengenai rasuah bermula dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) pada tahun 2004 dan diikuti dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP) 1.0 pada tahun 2010, serta GTP 2.0 pada tahun 2012. Seiring dengan dasar-dasar ini, mekanisme pemantauan kebangsaan turut berkembang. Transformasi tadbir urus Kerajaan melalui GTP 1.0 dan 2.0 telah dipacu oleh Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) dari tahun 2009 hingga 2014. Seterusnya, Mesyuarat Jemaa Menteri pada 14 Mac 2014 telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) untuk menggantikan JKJU.

Perkembangan Dasar Kerajaan




Perkembangan Mekanisme Pemantauan Kebangsaan



Pada permulaannya, fungsi-fungsi integriti agensi awam telah dilaksanakan oleh pelbagai bahagian/ unit termasuklah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Unit Audit Dalam. Kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 berhubung Penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam.

MEKANISME PEMANTAUAN DASAR KERAJAAN DALAM MENANGANI RASUAH



Pada tahun 2018, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) yang pertama telah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Mesyuarat tersebut memutuskan supaya Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 dibangunkan bagi menggantikan PIN. Bermula tahun 2019, platform JITU telah digantikan oleh Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) yang dipertanggungjawabkan untuk memantau NACP. Seterusnya, pada tahun 2023, platform JAR ditambah baik dan digantikan oleh Jawatankuasa Tatakelola.

KERANGKA PELAN ANTIRASUAH NASIONAL (NACP) 2019-2023

ASPIRASI NASIONAL Malaysia Dikenali Kerana Integriti Dan Bukan Rasuah			
VISI	Ke Arah Negara Bebas Rasuah		
MISI	Menegakkan kedaulatan undang-undang	Meningkatkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti kerajaan berasaskan tadbir urus baik	Mewujudkan persekitaran perniagaan yang bersih
MATLAMAT	Akauntabiliti dan kredibiliti kehakiman, pendakwaan dan agensi penguatkuasa undang-undang	Kecekapan dan responsif dalam penyampaian perkhidmatan	Integriti dalam perniagaan
BIDANG KEUTAMAAN	Tadbir urus politik	Perolehan awam	Penguatkuasaan Undang-undang
	Pentadbiran sektor awam	Perundangan dan kehakiman	Tadbir urus korporat

Sumber: Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023

PUNCA UTAMA RASUAH

- 1 Kegagalan pentadbiran
- 2 Konflik kepentingan
- 3 Kelemahan kawalan dalaman dan ketidakpatuhan
- 4 Kurang ketelusan

Sumber: Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023

NACP menggariskan wawasan jangka panjang tindakan antirasuah ke arah negara bebas rasuah menerusi **115 inisiatif** untuk dilaksanakan.



PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI AKEPT

Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) telah diwajibkan untuk sektor awam melalui Inisiatif 2.1.5 NACP. Langkah-langkah pembangunannya turut diperincikan dalam Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 (Siri 2 No.1 tahun 2019) mengenai Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional.

Sehubungan itu, AKEPT berusaha merealisasikan dasar tersebut melalui pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) AKEPT 2024-2028 (Pelan) sebagai rujukan induk dalam mencegah dan menangani isu-isu rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam organisasi.

Proses pembangunan Pelan ini telah bermula dengan penubuhan Jawatankuasa Pembangunan OACP AKEPT pada 30 Mac 2023. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Dato' Prof. Dr. Nasrudin bin Mohammed, Pengarah AKEPT pada waktu itu, dianggotai oleh ahli pasukan semua Timbalan Pengarah dan Pendaftar dan diurus setia oleh Pejabat Pendaftar. Jawatankuasa ini berperanan untuk menetapkan hala tuju dan melaksanakan semua proses pembangunan OACP sehingga diluluskan oleh Pengurusan Tertinggi dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sehingga 31 Disember 2023.

Jawatankuasa Pembangunan OACP AKEPT telah menentukan kerangka awal bagi Pelan ini, dan seterusnya ditambah baik melalui beberapa siri bengkel dan mesyuarat bersama pemegang taruh terlibat. Pelan ini diperakukan oleh Jawatankuasa Pembangunan OACP AKEPT pada bulan Disember 2023 dan seterusnya diluluskan oleh Pengurusan Tertinggi AKEPT pada 19 Mac 2024.

PENGURUSAN RISIKO RASUAH DAN DAFTAR RISIKO AKEPT

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 (Siri 2 No.1 tahun 2019), sesebuah organisasi perlu melaksanakan penilaian risiko rasuah (*corruption risk assessment*) bagi mengenal pasti risiko-risiko rasuah yang mungkin menjejaskan operasi dan imej organisasi. Bagi melaksanakan perkara ini, AKEPT telah mengguna pakai alat pengurusan (*management tool*) Pengurusan Risiko Rasuah (*Corruption Risk Management - CRM*) untuk mengenal pasti risiko rasuah dalam sesebuah organisasi, menyediakan pelan pengurusan risiko dan seterusnya mewujudkan sebuah sistem pengurusan yang bercirikan bebas rasuah.

Langkah pertama dalam pengurusan risiko rasuah ialah mengenal pasti risiko-risiko yang berkemungkinan dihadapi oleh organisasi melalui Bengkel CRM yang telah diadakan pada 30 Mei 2023 hingga 1 Jun 2023. Berdasarkan dapatan awal bengkel CRM dan maklum balas daripada Bahagian/Unit di AKEPT, sebanyak 32 risiko telah dikenal pasti. Risiko-risiko ini telah dinilai dengan menggunakan matriks risiko bagi menentukan tahap kebarangkalian (*likelihood*) dan akibat (*magnitude of impact*). OACP AKEPT memberi tumpuan kepada risiko yang dikenal pasti berada pada sekurang-kurangnya skor 3 dalam matriks risiko. Risiko yang merekodkan skor kurang daripada 3 boleh diurus tanpa keperluan kepada inisiatif dan pelan tindakan yang khusus.

Kebarangkalian (Likelihood of occurrence)	Almost certain	SIGNIFIKAN (5)	SIGNIFIKAN (10)	TINGGI (15)	TINGGI (20)	TINGGI (25)
	Likely	SEDERHANA (4)	SIGNIFIKAN (8)	SIGNIFIKAN (12)	TINGGI (16)	TINGGI (20)
	Moderate	RENDAH (3)	SEDERHANA (6)	SIGNIFIKAN (9)	TINGGI (12)	TINGGI (15)
	Unlikely	RENDAH (2)	RENDAH (4)	SEDERHANA (6)	SIGNIFIKAN (8)	TINGGI (10)
	Rare	RENDAH (1)	RENDAH (2)	SEDERHANA (3)	SIGNIFIKAN (4)	SIGNIFIKAN (5)
		<i>Insignificant</i>	<i>Minor</i>	<i>Moderate</i>	<i>Major</i>	<i>Catastrophic</i>
<i>Akibat (Magnitude of impact)</i>						

Sebanyak 22 risiko telah dimuktamadkan ke dalam Daftar Risiko AKEPT hasil daripada beberapa siri pemurnian bersama pemegang taruh seperti jadual berikut:

BIL	TAJUK RISIKO	PENARAFAN RISIKO
1.	Pegawai menyalah guna kuasa menggunakan kenderaan jabatan / kad inden minyak untuk kepentingan peribadi.	SIGNIFIKAN (9)
2.	Salah guna kuasa dengan memanipulasi data laporan profiling bakat dalam penyediaan laporan profiling kepimpinan (LRC) kepada pemegang taruh.	SIGNIFIKAN (8)
3.	Salah guna kuasa oleh pegawai atasan dalam memberi arahan yang melanggar peraturan perolehan.	SIGNIFIKAN (4)
4.	Salah guna kuasa dalam pemilihan rakan kolaborasi untuk pelaksanaan program.	SEDERHANA (6)
5.	Rasuah dan salah guna kuasa dalam urusan pemilihan perunding latihan swasta.	SEDERHANA (6)
6.	Rasuah daripada pihak ketiga atau salah guna kuasa oleh pegawai untuk membolehkan pihak ketiga melakukan pencerobohan ke atas sistem, pusat data dan rangkaian AKEPT.	SEDERHANA (6)
7.	Salah guna kuasa dalam membuat pembetulan/ pindaan dokumen tawaran pembekal bagi perolehan sebut harga kerja.	SEDERHANA (6)
8.	Rasuah dalam urusan penyelenggaraan kenderaan.	SEDERHANA (6)
9.	Salah guna kuasa dengan menyembunyikan kes salah laku tatatertib yang dilaporkan.	SEDERHANA (6)
10.	Salah guna kuasa dalam pengurusan pemangkuan dan kenaikan pangkat.	SEDERHANA (6)
11.	Salah guna kuasa dalam pengurusan prestasi dan pencalonan anugerah perkhidmatan cemerlang atau pingat darjah kebesaran.	SEDERHANA (6)
12.	Rasuah dan salah guna kuasa dalam urusan pengambilan/pelantikan kakitangan kontrak.	SEDERHANA (6)

BIL	TAJUK RISIKO	PENARAFAN RISIKO
13.	Salah guna kuasa dalam pemilihan peserta program.	SEDERHANA (6)
14.	Rasuah/salah guna kuasa dalam menyembunyikan maklumat pembekal bagi perolehan sebut harga dan tender.	SEDERHANA (6)
15.	Salah guna kuasa oleh pegawai dengan menggunakan ID Pegawai yang dilantik sebagai pegawai peraku untuk memperakukan bayaran.	SEDERHANA (3)
16.	Rasuah dalam urusan penerimaan barang yang tidak mengikut spesifikasi dan kuantiti tidak mencukupi.	SEDERHANA (3)
17.	Rasuah atau salah guna kuasa dalam pemilihan pembekal bagi perolehan pembelian terus dan sebut harga.	SEDERHANA (3)
18.	Salah guna kuasa dalam pemilihan ejen pengembaraan.	RENDAH (4)
19.	Pegawai menggunakan pangkat dan kedudukan untuk menyalah guna kuasa dengan membocorkan maklumat sulit berkaitan perolehan sebut harga dan tender.	RENDAH (4)
20.	Pegawai mengemukakan dokumen dan tuntutan palsu bagi tuntutan kerja lebih masa dan tuntutan perjalanan.	RENDAH (4)
21.	Salah guna kuasa oleh pegawai dalam terimaan tunai yang tidak diperakumkan oleh pegawai yang dipertanggungjawabkan.	RENDAH (4)
22.	Salah guna kuasa oleh pegawai dalam penyediaan data perubahan gaji.	RENDAH (4)



BAB 3

PELAN TINDAKAN ANTIRASUAH

KERANGKA PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI AKEPT

Visi

Ke arah pemerkasaan AKEPT dalam melahirkan pemimpin pendidikan tinggi yang berintegriti.

Misi

- Membudayakan amalan integriti dan kompetensi warga Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi.
- Memantapkan tata kelola dan ekosistem Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi.


Matlamat

- Meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan
- Memantapkan pentadbiran organisasi dan sumber manusia
- Meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan dan ketelusan perolehan

BIDANG KEUTAMAAN



STRATEGI



Bagi membangunkan Pelan Tindakan yang mendukung hasrat KPT untuk bebas rasuah, risiko-risiko yang telah dikenal pasti telah diklusterkan kepada 3 Bidang Keutamaan seperti yang berikut



Pelan Tindakan ini telah dirangka bagi merangkumi tempoh masa selama 5 tahun dan mengambil kira risiko rasuah di semua Bahagian di AKEPT. Inisiatif-inisiatif yang dirancang akan dilaksanakan berdasarkan 3 tempoh masa seperti yang berikut



Jangka masa pendek



Jangka masa sederhana



Jangka masa panjang atau berkala

4 inisiatif

Mei 2024
hingga
Mei 2025

5 inisiatif

Mei 2024
hingga
Mei 2026

12 inisiatif

Mei 2024
hingga
Disember 2028

BIDANG KEUTAMAAN A : PENGURUSAN LATIHAN DAN PEMBANGUNAN BAKAT KEPIMPINAN

STRATEGI 1: Memantapkan ketelusan pengurusan latihan.			Kod Risiko: 04, 05 & 13
Objektif Strategi 1.1: Memperkemas sistem sedia ada bagi pengurusan latihan.			
BIL.	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH
1.1.1	Memantapkan proses pemilihan rakan kolaborasi.	Pusat Pengurusan Bakat, Pusat Pembangunan Kepimpinan, Pusat Penyelidikan Kepimpinan dan Jangkauan Global	Mei 2024 – Mei 2025
1.1.2	Memantapkan proses kerja pemilihan perunding latihan swasta.	Pusat Pembangunan Kepimpinan, Pejabat Pendaftar	Jun 2024 – Mei 2025
1.1.3	Memantapkan sistem yang berkaitan dengan pemilihan peserta program.	Pusat Pembangunan Kepimpinan	Okt 2024 – Mei 2025

BIDANG KEUTAMAAN B : INTEGRITI DAN TATA KELOLA ORGANISASI

STRATEGI 2: Memperkukuh prosedur kerja dan peraturan dalaman.			Kod Risiko: 01, 03, 06, 07, 08, 09, 10, 11, 12, 14, 15, 16, 17, 18, 19 & 22
Objektif Strategi 2.1: Merekayasa perkhidmatan awam ke arah tadbir urus baik.			
BIL.	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH
2.1.1	Memantapkan pengurusan penggunaan kenderaan jabatan berdasarkan pekeliling berkuat kuasa.	Pejabat Pendaftar	Jan 2024 – Dis 2028
2.1.2	Memantapkan prosedur perolehan dan peraturan semasa.		Mei 2024 – Dis 2028
2.1.3	Memantapkan kaedah pengurusan dan keselamatan media serta ICT.		Mei 2024 – Mei 2025
2.1.4	Memantapkan pengurusan kes tatatertib melalui pewujudan prosedur kerja dan garis panduan.		Mei 2024 – Mei 2026
2.1.5	Memantapkan proses kerja pengurusan pemangkuan dan kenaikan pangkat.		Mei 2024 – Mei 2026
2.1.6	Memantapkan proses kerja pengurusan prestasi dan pencalonan anugerah perkhidmatan cemerlang atau pingat.		Mei 2024 – Mei 2026
2.1.7	Memantapkan proses kerja pengambilan kakitangan kontrak.		Mei 2024 – Mei 2026
2.1.8	Memantapkan proses kerja pengurusan aset dan stor.		Mei 2024 – Mei 2026



STRATEGI 3: Membudayakan Kompetensi Berasaskan Integriti.			Kod Risiko: 01, 02, 03, 05, 07, 08, 09, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 20, 21 & 22
Objektif Strategi 3.1: Meningkatkan Kompetensi dan Integriti Pegawai.			
BIL.	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH
3.1.1	Memantapkan integriti pegawai yang menguruskan laporan profiling kepimpinan.	Pusat Pengurusan Bakat	Mei 2024 – Dis 2028
3.1.2	Meningkatkan integriti dan pengetahuan pegawai melalui program-program dan kursus-kursus yang bersesuaian bagi tujuan pemantapan jati diri pegawai.	Pejabat Pendaftar	Mei 2024 – Dis 2028
3.1.3	Melaksanakan pusingan kerja mengikut pekeliling dan peraturan yang berkuat kuasa.		Mei 2024 – Dis 2028





**BIDANG KEUTAMAAN C:
PROSES PEROLEHAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN**

STRATEGI 4: Meminimumkan pembaziran dan sifar ketirisan			Kod Risiko: 15, 20 & 21
Objektif Strategi 4.1: Memastikan sifar ketidakpatuhan prosedur bagi penggunaan akses pegawai lain dalam proses perakuan pembayaran.			
BIL.	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH
4.1.1	Meningkatkan keberkesanan pemantauan pegawai-pegawai pelaksana melalui pelaksanaan audit secara berkala.	Pejabat Pendaftar	Mei 2024 – Dis 2028
4.1.2	Membuat perakuan tata tertib ke atas pegawai yang terlibat dalam pelanggaran prosedur kewangan.	Pengarah	Mei 2024 – Dis 2028
Objektif Strategi 4.2: Memastikan sifar pengemukaan dokumen palsu bagi tuntutan perjalanan.			
BIL.	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH
4.2.1	Meningkatkan kesedaran pegawai terhadap peraturan sedia ada.	Pejabat Pendaftar	Mei 2024 – Dis 2028
4.2.2	Meningkatkan kecekapan tatacara pemprosesan bayaran.		Mei 2024 – Dis 2028
Objektif Strategi 4.3: Menangani risiko penyelewengan oleh pegawai penerima tunai.			
BIL.	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH
4.3.1	Memperkemaskan prosedur operasi standard di tempat kerja melalui pemantauan oleh penyelia secara berkala.	Pejabat Pendaftar	Mei 2024 – Dis 2028

STRATEGI 5: Meningkatkan Ketelusan Perolehan			Kod Risiko: 03, 07 & 19
Objektif Strategi 5.1: Mewujudkan persekitaran sifar ketidakpatuhan / pelanggaran peraturan dan prosedur perolehan yang berkuat kuasa.			
BIL.	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH
5.1.1	Memantapkan prosedur dan peraturan semasa.	Pejabat Pendaftar	Mei 2024 – Dis 2028
5.1.2	Mengadakan pemeriksaan pematuhan peraturan dan prosedur secara mengejut.		Mei 2024 – Dis 2028





BAB 4

**MEKANISME PEMANTAUAN
DAN PENILAIAN**

PEMANTAUAN DAN SEMAKAN SEMULA

Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) AKEPT berfungsi sebagai mekanisme tertinggi yang membincangkan pelaksanaan dan pemantauan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) AKEPT 2024-2028. Manakala Pejabat Pendaftar akan bertindak sebagai penyelarass induk kepada pemantauan dan pelaporan Pelan.

Pemantauan dan penilaian Pelan ini akan dilaksanakan berdasarkan langkah-langkah yang digariskan dalam Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 (Siri 2 No.1 tahun 2019) seperti yang berikut:

2024-2028

Laporan pencapaian pelaksanaan Pelan Antirasuah AKEPT dikemukakan kepada Pengurusan Tertinggi dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) AKEPT setiap suku tahun.

2025-2027

Penilaian dan semakan semula terhadap keberkesanan Pelan dilaksanakan setiap tahun bagi menangani isu-isu berbangkit.

2027

Tindakan pembaharuan Pelan dimulakan.

2028

Pelan Antirasuah AKEPT yang seterusnya dikeluarkan.



PENETAPAN INDIKATOR

Bagi memastikan pemantauan dilaksanakan secara berterusan dan efektif, setiap inisiatif yang dirancang perlu diperincikan oleh Bahagian Peneraju dengan mengandungi perkara-perkara seperti yang berikut:



Indikator-indikator ini perlu dikemukakan kepada Pejabat Pendaftar pada bulan Mei 2024 dan selanjutnya pada setiap tahun sebelum 15 Januari. Sebarang pindaan dan kemas kini kepada indikator ini perlu mendapatkan kelulusan Ketua Bahagian serta dimaklumkan kepada pihak Pejabat Pendaftar.



PELAPORAN

Pada peringkat operasi, Ketua Bahagian Peneraju bertanggungjawab memastikan setiap inisiatif dilaksanakan mengikut tempoh sasaran yang ditetapkan dan melaksanakan penyelarasan bersama-sama bahagian yang berkaitan.

Bahagian Peneraju perlu menyerahkan pelaporan ke Pejabat Pendaftar setiap suku tahun bagi tujuan dikemukakan kepada Pengurusan Tertinggi dan dibentangkan dalam Mesyuarat JTK AKEPT. Pelaporan ini perlu mengandungi perkara-perkara seperti yang berikut:



Bahagian Peneraju turut bertanggungjawab membentangkan isu, cabaran dan perkara berbangkit kepada Mesyuarat JTK AKEPT untuk pertimbangan dan keputusan.

PENILAIAN

Outcome utama yang akan dinilai daripada pelaksanaan Pelan ini adalah penurunan taraf risiko KPT dari organisasi berisiko tinggi pada tahun 2022 kepada organisasi berisiko rendah menjelang 2026. Pencapaian ini akan dinilai melalui penarafan risiko oleh SPRM.

Selain daripada penilaian keberkesanan bagi setiap inisiatif oleh Bahagian Peneraju berkenaan, Pejabat Pendaftar selaku Penyelaras Induk akan menyediakan Laporan Semakan Semula Pelan Antirasuah Organisasi AKEPT secara tahunan merangkumi pelaporan pencapaian Pelan menggunakan kaedah analisis perbandingan bagi beberapa indikator seperti berikut:

1. Jumlah aduan/ maklumat yang diterima daripada SPRM dan orang awam;
2. Laporan Ketua Audit Negara dan Laporan Audit Dalam KPT;
3. Penilaian sendiri setiap Bahagian terlibat melalui semakan semula Daftar Risiko; dan
4. Tahap Rasuah Perkhidmatan Awam/ *Public Service Corruption Ranking* (PSCR) oleh SPRM.

BAB 5

KESIMPULAN



KESIMPULAN

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) AKEPT 2024-2028 merupakan komitmen AKEPT dalam menangani risiko rasuah seiring dengan aspirasi Kerajaan melalui pembangunan NACP.

Pengurusan risiko rasuah merupakan satu proses berterusan. Sehubungan itu, Pelan ini akan diguna pakai sebagai dokumen dinamik yang perlu disemak dan ditambah baik dari semasa ke semasa bagi memastikan kandungannya kekal relevan.

Penerbitan buku ini akan dijadikan panduan dan rujukan kepada pihak Pengurusan AKEPT dan Bahagian-bahagian dalam menyelaraskan dan memantau pelaksanaan Pelan ini.

BAB 6

PENGHARGAAN



Sekalung penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi dalam pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) AKEPT

YBHG. DATO' SERI IR. DR. ZAINI BIN UJANG

KETUA SETIAUSAHA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

YBHG. DATO' DR. HAJI MEGAT SANY BIN MEGAT AHMAD SUPIAN

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR)

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

YBHG. ENCIK AZHAN BIN MD. AMIR

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN)

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

UNIT INTEGRITI

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH AKEPT

YBHG. DATO' PROF. DR. NASRUDIN BIN MOHAMMED

YBRS. PROF. DR. HARSHITA AINI BINTI HAROON

YBRS. PROF. DR. AZILA BINTI AHMAD SARKAWI

YBRS. PROF. MADYA DR. NORAZHARUDDIN SHAH BIN ABDULLAH

ENCIK AZRUL IZHAM BIN HAMZAH

PUAN HANIS HUZAIRA BINTI ABD HANAN

PUAN ELIA HAMILA BINTI ABDUL HAMID

PESERTA BENGKEL PELAN PENGURUSAN RISIKO AKEPT

PEJABAT PENDAFTAR

1. PUAN HANIS HUZAIRA BINTI ABD HANAN
2. PUAN ELIA HAMILA BINTI ABDUL HAMID
3. PUAN ZALINA BINTI ZAINAL
4. ENCIK MOHAMAD SABRI BIN SAMAT
5. PUAN SYAHMUN BINTI MOHD KHALIL
6. PUAN NORAZIRA BINTI SHAFIEE
7. ENCIK MOHD KUIZWA BIN MOHD JOHARI
8. ENCIK SUGENTHEERAN A/L KOMANNAYAR
9. ENCIK HALIM BIN SAIEN
10. PUAN SUWAIBATUL ASLAMIAH BINTI JUHARI
11. PUAN SITI NASUHA BINTI AHMAD
12. PUAN ZARYATIE BINTI ZAKARIA
13. PUAN MASTURA BINTI KASSIM
14. CIK PUTERI CAMELIA BINTI ARIFIN

PEJABAT PENGARAH

1. CIK SYAZANA NAJIHAH BINTI MOHD NASIR
2. PUAN NUR JAMILAH BINTI BADAR JAAFAR KHAN

PUSAT PEMBANGUNAN KEPIMPINAN

1. ENCIK RUSLEI BIN MOHD NOR
2. CIK NUR FATIN SYAFIQAH BINTI ABDUL JAAFAR
3. PUAN SITI NURHAFIZA BINTI ABDUL WAHAB

PUSAT PENGURUSAN BAKAT

1. PUAN AZIAN BINTI MOHMAD AZMAN
2. ENCIK AHMAD SHAKIRIN BIN ZAINAL ABIDIN
3. PUAN YUSNITA BINTI YAAKOP

PUSAT PENYELIDIKAN KEPIMPINAN & JANGKAUAN GLOBAL

1. PUAN AZURA BINTI MAT AIL
2. CIK SITI MARHAIN BINTI FEROZ
3. ENCIK SARAVANNAN A/L KARPAYA

URUS SETIA

PUAN HANIS HUZAIRA BINTI ABD HANAN

PEJABAT PENDAFTAR

PUAN ELIA HAMILA BINTI ABDUL HAMID

PEJABAT PENDAFTAR

ENCIK MOHD KUIZWA BIN MOHD JOHARI

PEJABAT PENDAFTAR

PUAN RABBIATUL NUR AIN BINTI ROSLI


PEJABAT PENDAFTAR

PUAN SITI NASUHA BINTI AHMAD

PEJABAT PENDAFTAR

CIK PUTERI CAMELIA BINTI ARIFIN

PEJABAT PENDAFTAR



OACP merupakan dokumen dasar antirasuah yang dibangun bagi memastikan pelaksanaan pencegahan rasuah yang berkesan di semua peringkat. Ia merupakan komitmen oleh AKEPT dalam memerangi rasuah. Adalah diharapkan inisiatif-inisiatif yang digariskan dapat dilaksanakan dengan komited bagi mencapai visi 'Ke arah pemerkasaan AKEPT dalam melahirkan pemimpin pendidikan tinggi yang berintegriti'

